

Dato' Lela Bakti  
Penasihat Agama Islam  
Sultan Selangor  
Dato' Lela Bakti  
Private Secretary to H.K.M.  
The Sultan of Selangor  
Istana Alam Shah  
41500 Klang, Selangor,  
Malaysia.



CERTIFIED TO MS ISO 9001: 2015  
Registration No : QMS 02132

يَقَابَتِي كَوَلِي بَيْتِي مَهَامِلِيَا سُلْطَانِي سَلَاةُ عَوْرِي

Ruj. kami: ( 79 ) dlm. Pej. DYMM. Sul. Sel. M/3/01. Jld. 65

Tarikh: 31 Oktober 2022

Sahibus Saadah  
Y.Bhg. Dato' Mohd Shahzihan bin Ahmad D.P.M.S., P.P.T.  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor  
Tingkat 1, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah,  
No.2, Persiaran Masjid, Bukit SUK,  
Seksyen 5, 40676 SHAH ALAM

S.S. Dato',

## LARANGAN BERPOLITIK DI INSTITUSI DI BAWAH KAWALAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

Adalah saya dengan hormatnya menjunjung titah perintah D.Y.M.M. Sultran Selangor, merujuk kepada perkara di atas.

2. D.Y.M.M. Sultan Selangor telah berkenan dan menitahkan S.S. Dato' agar memastikan semua institusi yang berada di bawah kawalan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kekal sebagai zon aman dan bebas dari sebarang pengaruh dan unsur politik kepartian.

3. Sehubungan itu, sempena Pilihan Raya Umum Ke-15 atau apa-apa peringkat pilihan raya di negeri ini, D.Y.M.M. Sultan Selangor tidak berkenan pegawai atau guru JAIS, penceramah bertauliah dan institusi yang berada di bawah kawalan JAIS terlibat dengan perkara atau aktiviti berbentuk politik kepartian. Baginda turut menitahkan hanya imam atau khatib yang diiktiraf oleh MAIS sahaja dibenarkan mengimamkan solat fardhu 5 waktu dan solat fardhu Jumaat, memberi tazkirah Jumaat dan membaca khutbah. Teks khutbah yang dikeluarkan oleh JAIS hendaklah dibaca mengikut tajuk mingguan ditetapkan, tidak boleh dipinda atau ditokok tambah. Selain itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam tidak dibenarkan berucap atau berceramah di mana-mana masjid, surau atau sekolah di bawah kawalan JAIS sepanjang tempoh musim pilihan raya di negeri ini.



...2/-

Istana Alam Shah

Tel : 603-3371 3411  
Fax : 603-3371 6969

Istana Bukit Kayangan

Tel : 603-5519 3232  
Fax : 603-5510 6287

Istana Mestika


Tel : 603-5519 4242  
Fax : 603-5519 8181

4. Kerjasama S.S. Dato' dalam menyempurnakan titah D.Y.M.M. Sultan Selangor ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**"PERTAHAN DAN SETIA KEPADA AGAMA ISLAM"**  
**"BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT DAN NEGARA"**

Saya yang menjunjung titah,



**DATO' HAJI MOHAMAD MUNIR BIN BANI D.P.M.S., J.S.D.**